



## UNIT KORPORAT DAN PERIHUBUNGAN AWAM

### MAKLUMAT MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI MELALUI AKHBAR UNTUK BULAN DISEMBER 2017

BIL.	NO. RUJUKAN	TARIKH	JENIS AKHBAR	JENIS ARTIKEL	TAJUK
1.	012-2017/001	04.12.2017	Sinar Harian	Info MBIP	Ibu tujuh anak lega dua anak terima bantuan awal persekolahan
2.	012-2017/002	27.12.2017	Harian Metro	Info MBIP	Gunting rambut percuma

#### RINGKASAN LAPORAN UNTUK BULAN DISEMBER 2017:

JENIS ARTIKEL	JUMLAH
ADUAN	0
INFO MBIP	2
INFO PBT	0
JUMLAH	2



## MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar : 012-2017/001  
Tarikh : 04.12.2017 (Isnin)  
Jenis Akhbar : Sinar Harian  
Jenis Artikel : Info MBIP  
Tajuk Artikel : Ibu tujuh anak lega dua anak terima bantuan awal persekolahan

### Ibu anak tujuh lega dua anak terima bantuan awal persekolahan

ISKANDAR PUTERI – “Saya baru sahaja bermula berniaga secara kecil-kecilan berdekatan rumah untuk membantu suami selain mencari wang belanja untuk menyediakan peralatan sekolah anak-anak yang akan memulakan sesi persekolahan baru tidak lama lagi,” cerita Roslinda Yeem, 39.

Bagaimanapun, perkhabaran yang diterima oleh ibu anak tujuh baru-baru ini menambah rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dua daripada empat anaknya terpilih dalam Program Bantuan Awal Persekolahan 2018 Yayasan Penyayang Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) sesi pertama.

Dua anak perempuan Roslinda iaitu Rosnatasha Mohamad Hafiza, 7, serta kakannya Rozatul Najwa, 10, yang kedua-duanya belajar di Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Kupang, Gelang Patah antara 287 murid yang terpilih dalam program tersebut yang merupakan kerjasama bersama Umno Bahagian Gelang Patah.

Menurut Roslinda, kira-kira lebih sebulan dia berniaga pel-



Mohammad Khairi (tiga, kiri) membantu memilih baju sekolah untuk penerima.

bagai juadah termasuk sate dan rojak bagi membantu ekonomi keluarganya berikutan suaminya, Mohamad Hafiza Abu Talib, 40 bekerja sebagai nelayan dengan pendapatan tidak menentu.

“Kalau dihitung, gaji suami hanya sekitar RM700 setiap bulan. Dapatlah buat belanja dapur dan sekolahkan anak-anak. Lebihan hasil laut yang ditangkap suami, dapatlah kami anak beranak buat makan.

“Saya baru belajar berniaga untuk bantu suami. Jadi, bila di-

maklumkan dua anak saya terima bantuan persekolahan, saya sangat bersyukur. Setiap tahun saya peruntuk lebih RM100 untuk belanja peralatan sekolah setiap anak dan biasanya saya hanya tukar mana yang penting sahaja dan pilih harga yang ekonomi sahaja.

“Ini adalah kali pertama dua anak saya menerima bantuan tersebut,” katanya yang memberitahu dua anaknya yang berumur 24 dan 22 tahun telah bekerja sambilan dan turut membantu meringankan ke-

luarga itu.

Sementara itu, Pengurus Yayasan Penyayang MPJBT yang juga Setiausaha Politik Menteri Besar Johor dan Ketua Umno Bahagian Gelang Patah, Mohammad Khairi A Malik berkata, semua murid yang terpilih adalah dalam kalangan yang kurang berkemampuan dan bersekolah dalam kawasan MPJBT.

“Setiap penerima boleh pilih sendiri barang sekolah di Mydin Anjung Bazar Nusajaya dengan bajet RM100,” katanya.





## MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar : 012-2017/002  
Tarikh : 27.12.2017 (Rabu)  
Jenis Akhbar : Harian Metro  
Jenis Artikel : Info MBIP  
Tajuk Artikel : Gunting rambut percuma

## Gunting rambut percuma

**Johor Bahru:** Seramai 1,200 termasuk murid dan pelajar berusia tujuh hingga 17 tahun menerima manfaat dalam program Gunting Rambut Percuma anjuran Yaya-  
san Penyayang Iskandar Puteri sebagai persediaan untuk memasuki alam persekolahan baru, tidak lama lagi.

Pengerusi Yayasan Penyayang Iskandar Puteri Mohammad Khairi A Malik berkata program amal julkung kali itu diadakan dengan kerjasama Persatuan Generasi Patriot Gelang Patah mendapat sambutan menggalakkan terutama penduduk di kawasan berkenaan.

Katanya, sebanyak enam kaunter gunting rambut disediakan dan ia diadakan di enam lokasi termasuk di Taman Impian Emas, Dewan

Raya Kampung Pok dan sebagainya.

“Di setiap lokasi, kira-kira 200 peserta menerima khidmat gunting rambut secara percuma dan kita berharap dapat membantu dalam meringankan beban ibu bapa untuk sesi persekolahan baru.

“Kemungkinan program seumpama ini akan diteruskan pada tahun hadapan kerana mendapat sambutan menggalakkan penduduk dalam kawasan Iskandar Puteri,” katanya selepas menyempurnakan perasmian program itu di Taman Pulai Indah, di sini, kelmarin.

Katanya, pihaknya turut menjalankan promosi melalui laman sosial Facebook (FB) dan aplikasi WhatsApp bagi memaklumkan mengenai pengajuran program itu.



MOHAMMAD Khairi menggunting rambut murid sebagai simbolik perasmian.

